

PBT, semua agensi lakukan kajian menyeluruh

CAMERON HIGHLANDS 31 Mei - Pihak berkuasa tempatan dan semua agensi terlibat di daerah ini akan mengkaji secara menyeluruh kejadian banjir kilat yang berlaku di Kuala Terla kelmarin sehingga menyebabkan sebuah jambatan runtuh.

Pegawai Daerah Cameron Highlands yang juga Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Daerah, Datuk A. Rahman Hamzah berkata, melalui kajian itu, analisis akan dilakukan bagi melihat punca dan mencari kaedah penyelesaian terbaik.

"Kita akan semak dan kaji dengan semua jabatan kerajaan dan agensi terlibat akan melakukan analisis dan memberikan cadangan serta penjelasan.

"Bagaimanapun dalam memastikan penduduk di situ tidak terjejas dalam jangka pendek, kita akan membina jambatan Bailey sebelum pembinaan jambatan baharu," katanya ketika ditemui



A. RAHMAN HAMZAH

di sini hari ini.

Menurut A. Rahman, berdasarkan kepada laporan awal, jambatan berkenaan berada antara dua sungai dan arus deras menjejaskan tiang jambatan berkenaan.

Ditanya sama ada ia berpunca daripada penerokaan kawasan hutan, beliau berkata, sehingga kini isu penerokaan kawasan hutan di daerah ini adalah terkawal.